

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN: LISAN

DARIPADA: TUAN LIM GUAN ENG [BAGAN]

TARIKH: 27 OKTOBER 2014

SOALAN: Tuan Lim Guan Eng [Bagan] minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah peruntukan yang disalurkan kepada 14 kampung baru ataupun new village di Pulau Pinang sejak 2001 hingga 2014. Berikan juga pecahan jumlah peruntukan kepada kampung-kampung baru negeri-negeri lain yang turut tersenarai dalam pelan induk terbabit. Sekiranya terdapat perbezaan jumlah, jelaskan kenapa.

JAWAPAN:-

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak tahun 2000 sehingga 2014, Kerajaan telah memperuntukkan sebanyak RM13,517,868.74 untuk pembangunan 14 kampung baru di Pulau Pinang. Peruntukan ini kebanyakannya digunakan untuk membina atau menaik taraf jalan, longkang, balai raya, dewan orang ramai, gelanggang dan taman rekreasi.

Pecahan peruntukan mengikut negeri adalah seperti di Jadual 1.

Peruntukan kepada setiap Kampung Baru adalah bergantung kepada keperluan semasa di mana keutamaan diberikan kepada kampung-kampung yang infrastrukturnya telah usang dan memerlukan penaiktarafan. Pertimbangan asas peruntukan pembangunan turut dilihat dari segi lokasi-lokasi Kampung Baru, bilangan kampung dan jenis kampung (Kampung Baru Tradisi, Kampung Baru Bagan dan Kampung Baru Rangkaian)

Sebagai contoh, kampung yang berada di dalam kawasan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) kebiasaannya akan menerima peruntukan yang kurang berbanding dengan kampung di luar kawasan operasi PBT disebabkan terdapat peruntukan pembangunan yang disalurkan oleh PBT kepada Kampung-kampung Baru yang terletak di dalam kawasan PBT masing-masing.

Di samping itu, terdapat perbezaan peruntukan pembangunan antara negeri adalah disebabkan bilangan kampung yang berbeza-beza. Misalnya, negeri Perak yang mempunyai 162 kampung menerima RM158.5 juta berbanding dengan negeri Perlis yang hanya menerima RM1.2 juta kerana mempunyai sebuah Kampung Baru sahaja. Maka peruntukan di negeri Perak adalah jauh lebih besar daripada negeri Perlis.

JADUAL 1 :

**PECAHAN PERUNTUKAN MENGIKUT NEGERI
DARI 2000 HINGGA 2014 (Sehingga 27 Oktober 2014)**

NEGERI	PERUNTUKAN (RM)
JOHOR	177,445,305.70 ✓
KEDAH	40,058,257.14
KELANTAN	29,258,711.14
MELAKA	28,840,638.69
N. SEMBILAN	43,734,400.45
PAHANG	71,136,355.20
PERAK	158,582,386.08
PERLIS	1,231,190.00
P.PINANG	13,517,868.74
SELANGOR	78,216,915.47
TERENGGANU	1,985,987.20
W.P. KUALA LUMPUR	2,353,812.40
JUMLAH	646,361,828.21